



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## SYARAT PERTANDINGAN DAN GARIS PANDUAN POSTER DIGITAL

1. Penyertaan terbuka kepada murid sekolah rendah dan sekolah menengah secara **INDIVIDU**.
2. Peserta perlu menghasilkan Poster Digital Hentibuli dengan tema **#laporsebelumarah**.
3. Bilangan penyertaan dihadkan kepada 1 murid dan 1 guru pembimbing sahaja. Guru pembimbing berperanan membimbing murid supaya hasil karya menepati syarat serta tiada unsur negatif.
4. Bahasa yang boleh digunakan ialah Bahasa Melayu sahaja.
5. Rekaan dan idea poster mestilah hasil ciptaan sendiri dan asli. Penganjur mempunyai hak untuk menggugurkan penyertaan atau menarik balik hadiah yang telah dimenangi sekiranya didapati poster yang dihantar adalah tidak asli dan diplagiat.
6. Penyediaan poster hendaklah menggunakan perisian komputer atau aplikasi alat peranti dengan reka bentuk berukuran A4 di dalam format JPEG / PNG / PDF.
7. Peserta dibenarkan menggunakan sebarang perisian komputer atau aplikasi untuk menghasilkan poster digital.
8. Penganjur berhak menolak penyertaan yang melanggar terma dan syarat pertandingan.
9. Hak cipta produksi adalah kekal milik peserta. Walau bagaimanapun penganjur boleh menggunakan produksi tersebut untuk tujuan program pendidikan, promosi semasa dan selepas pertandingan.
10. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan produksi terhadap peserta oleh mana-mana pihak yang berkaitan.

11. Karya yang dihasilkan tidak boleh sama sekali mengandungi unsur-unsur negatif yang menyentuh sensitiviti perkauman, kebudayaan dan keagamaan.
12. Semua poster digital yang dihasilkan dihantar ke Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing.
13. Keputusan juri adalah **MUKTAMAD** dan sebarang perbincangan atau surat menyurat tidak akan dilayan.
14. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **15 September 2022**.
15. Cara Penghantaran :
  - a. Penghantaran adalah kepada Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing. Johan negeri akan dipertandingkan di peringkat kebangsaan.
  - b. Jabatan Pendidikan Negeri dikehendaki menghantar satu wakil rendah dan menengah kepada urus setia Kementerian Pendidikan Malaysia pada **15 Oktober 2022**.
16. Penilaian poster digital akan dinilai mengikut kriteria seperti berikut :

| BIL | KETERANGAN   | MARKAH |
|-----|--|--------|
| 1   | <b>KEASLIAN</b><br>Poster yang dihasilkan memiliki rekabentuk asli dan disediakan khusus untuk tujuan pertandingan ini. Plagiat atau meniplak secara langsung atau tidak langsung dari segi reka bentuk dan penggunaan templat sedia ada tidak dibenarkan. | 20     |
| 2   | <b>KREATIVITI, UNIK DAN IMPAK POSITIF</b><br>Poster memiliki ciri-ciri unik, kreativiti baharu, paparan dan reka bentuk yang menarik serta mampu memberi kesan penghayatan tema kepada pembaca.  | 50     |
| 3   | <b>KELESTARIAN BAHASA</b><br>Poster mempamerkan penggunaan istilah dan bahasa yang tepat, jelas serta tersusun kemas bagi tujuan menyampaikan mesej dan maksud tema dengan berkesan.   | 10     |
| 4   | <b>PERSEMBAHAN DAN KETRAMPILAN</b><br>Poster dinilai secara keseluruhan dari segi kandungannya (kreatif / unik / menarik / berinformasi / jelas / asli / rupa bentuk visual / mesej berkesan)  | 20     |

|  |               |            |
|--|---------------|------------|
|  |               |            |
|  | <b>JUMLAH</b> | <b>100</b> |